

KESILAPAN STRUKTUR AYAT BAHASA MANDARIN DALAM KALANGAN PELAJAR PENUTUR NATIF

Hazlina Abdul Halim
Ang Lay Hoon
Koh Su Fan
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini meneroka kesilapan struktur ayat bahasa Mandarin yang dilakukan oleh pelajar penutur natif bahasa tersebut. Secara khususnya, makalah ini mengenal pasti, mengkelaskan dan membincangkan kesilapan struktur ayat dengan mengaplikasi Taksonomi Strategi Permukaan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982). Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks dan temu bual. Seramai 30 orang responden Tahun 3 berbangsa Cina yang mempelajari Bahasa Mandarin terlibat dalam kajian ini. Responden dikehendaki membina ayat Bahasa Mandarin berdasarkan 10 gambar tunggal yang tidak berkait. Pemilihan gambar adalah berdasarkan imej yang berhubung kait dengan kehidupan seharian pelajar. Keseluruhan ayat disemak dari segi ketepatan tatabahasa dan makna menggunakan buku *Xin Bian Xian Dai Han Yu*. Kesilapan struktur ayat yang dikesan dikelaskan kepada empat kategori mengikut pengkelasan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982), iaitu kesilapan pengurangan, penambahan, pemilihan dan penyusunan kata. Susulan daripada aktiviti penulisan, 10 orang responden dipilih secara rawak dan ditemu bual untuk mendapatkan input bagi punca kesilapan ini. Secara keseluruhan, daripada 300 ayat yang dibentuk, terdapat 50 ayat mempunyai kesilapan struktur. Responden didapati melakukan kesilapan pada keempat-empat kategori taksonomi oleh Dulay, Burt & Krashen (1982). Selain itu, terdapat juga kesilapan penggunaan kata verbal, di mana ayat yang disusun menyerupai ayat bahasa Melayu oleh responden berbangsa Cina daripada keturunan Baba Nyonya Melaka. Daripada temu bual yang dilakukan, didapati bahawa responden tidak menyedari akan kesilapan yang dilakukan. Temu bual juga mendapati kesilapan berpunca daripada ketidak acuhan tentang peraturan tatabahasa.

Kata Kunci: *Analisis Kesilapan, Bahasa Mandarin, Struktur Ayat, Taksonomi Strategi Permukaan, Pelajar Natif*

ERRORS IN SENTENCE STRUCTURE AMONG MANDARIN NATIVE SPEAKERS

Abstract

*This study explores structure errors in Mandarin sentences produced by student native speakers of the language. In particular, this paper identifies, classifies and discusses errors in sentence structure by applying Surface Strategy Taxonomy by Dulay, Burt and Krashen (1982). The study was conducted by using text analysis and interviews. A total of 30 Chinese respondents in Year 3 learning Mandarin were involved in the study. Respondents are required to construct Chinese sentences based on 10 single pictures that were not interrelated. The selection of images is based on pictures related to students' daily lives. All the sentences were corrected for their grammatical and semantics accuracy using the book *Xin Bian Xian Dai Han Yu*. Sentence structure errors detected were classified into four categories according to the classification by Dulay, Burt and Krashen (1982), namely the reduction, addition, selection and misordering errors. Consecutively from the written task, 10 respondents were randomly selected and interviewed to obtain input for the roots of the errors. Overall, from the 300 sentences formed, there were 50 sentences with structure errors. Respondents were found to produce errors in all four categories of the taxonomy by Dulay, Burt and Krashen (1982). In addition, there are also sentence structures constructed using verbal language, where sentences arranged resemble Malay phrases by respondents from Melaka Baba Nyonya descendents. From the interviews, it was found that the respondents were not aware of the errors made. The interviews also found the errors due to the indifference of grammar rules.*

Keywords: *Error Analysis, Mandarin, Sentence Structure, Surface Strategy Taxonomy, Students Native Speakers*

PENGENALAN

Dunia pendidikan mengalami evolusi yang dinamik dalam arus globalisasi yang menuntut perubahan setara dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, beberapa inisiatif telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyemak dan melakukan penambahbaikan ke atas kurikulum sedia ada. Kurikulum Bahasa Cina turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya hingga terhasil Standard Kurikulum Bahasa Cina yang memerlukan pelajar menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut Nik Safiah Karim (2004), di antara kemahiran tersebut, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajarkan dan dikuasai oleh pelajar.

Brown (2007) menyatakan menulis ialah satu proses pemindahan idea dan pemikiran pada kertas untuk menajamkan lagi idea utama, serta menstrukturkan

idea tersebut supaya terdapat kesinambungan. Melalui penulisan, pemikiran otak dijana dan idea yang terungkuai seterusnya dicatat untuk dikekalkan. Penyataan Brown (2007) ini turut disokong oleh Audrey (2008) yang menyatakan bahawa menulis merupakan suatu kemahiran yang utama, yang memperkukuhkan idea yang dizahirkan dalam pemikiran seseorang.

Kemahiran menulis merupakan kemahiran asas yang paling utama berbanding dengan kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain untuk membolehkan seseorang menyatakan gagasan pemikiran mereka kepada orang lain, serta membantu merekodkan pemikiran yang sering berubah-ubah. Tompkins (2004) menyatakan bahawa proses penulisan ibarat peta jalan yang menjadi pedoman dari permulaan hingga ke tempat tujuan. Hal ini menerangkan bahawa suatu penulisan itu boleh dibimbing melalui satu struktur. Dengan mengkaji kesilapan yang dilakukan dalam aktiviti penulisan, guru-guru dapat mengesan dari awal punca kesilapan dan boleh merangka secara proaktif tindakan pembetulan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis kesilapan penulisan struktur ayat bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar penutur natif.

SOROTAN LITERATUR

Di Malaysia, kemahiran menulis turut dititikberatkan dalam sistem pendidikan sejak dari sekolah rendah. Semakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan sejak tahun 2003. Kurikulum ini masih mewajibkan pelajar sekolah rendah Cina mengambil kertas peperiksaan Bahasa Cina dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Format soalan ujian ini ditamatkan pada tahun 2015. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan format baru Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 28 September 2015. Kertas penulisan Bahasa Cina masih dikekalkan tetapi kemahiran menulis yang diperlukan telah dipertingkatkan.

Namun begitu, kemahiran menulis bukan senang dikuasai dalam masa yang singkat. Baik pelajar yang cemerlang atau yang lemah, mereka masih menghadapi masalah semasa menulis. Antara masalah utama ialah penggunaan tatabahasa dalam struktur ayat lengkap. Hu (1995) menggambarkan tatabahasa ini sebagai pembinaan sebuah bangunan yang mana, perkataan yang dipelajari dibaratkan sebagai bahan binaan, sementara stuktur ayat sebagai rangka bangunan. Kebolehan pengolahan bergantung kepada bahan binaan, iaitu perkataan, serta rangka bangunan, iaitu struktur ayat. Oleh yang demikian, struktur ayat yang salah akan menyebabkan maklumat gagal disampaikan dengan betul.

Penguasaan kemahiran menulis diperlukan supaya dapat membuat penyampaian idea dan maklumat yang betul dan tepat. Sepanjang proses penguasaan ini, pelajar banyak melakukan kesilapan dalam penulisan, terutamanya kesilapan struktur ayat. Struktur ayat yang lengkap ialah ayat yang disusun mengikut frasa yang betul dan maksud ayat dapat disampaikan dengan sempurna. Untuk mengkaji kesilapan struktur ayat ini, analisis kesilapan diaplikasikan. Istilah

kesilapan menurut Nik Safiah Karim (1986:132) merujuk kepada penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa atau peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada di peringkat sebutan, pilihan kata, susunan frasa atau ayat. Oleh yang demikian, kesilapan merujuk kepada “penyimpangan daripada tatabahasa seorang penutur jati dewasa, yang menonjolkan kemahiran bahasa antara seseorang pelajar” (Brown, 2007: 259).

James (1998) pula menyatakan bahawa kesilapan yang dilakukan pelajar dapat dikesan melalui analisis kesilapan untuk pemulihan dapat diusahakan. Melalui Taksonomi Strategi Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*) oleh Dulay, Burt & Krashen (1982), kesilapan struktur ayat dapat dikelaskan kepada empat kumpulan, iaitu kesilapan penyusunan kata, kesilapan pengurangan, kesilapan penambahan dan kesilapan pemilihan kata. Kesilapan penyusunan kata menurut Dulay, Burt & Krashen (1982) merujuk kepada kesilapan aturan sesuatu perkataan atau frasa dalam struktur ayat. Kesilapan pengurangan pula ialah kesilapan pengguguran penggunaan perkataan yang perlu sehingga menyebabkan ayat tidak lengkap, sementara kesilapan penambahan merupakan kemasukan sesuatu perkataan yang tidak perlu di dalam satu frasa atau ayat. Menurut Dulay, Burt & Krashen (1982), kesilapan pemilihan kata melibatkan pemilihan perkataan tidak bertepatan atau salah yang akan mempengaruhi maksud ayat.

Mengenal pasti kesilapan pelajar merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh tenaga pengajar bagi membantu pelajar (Yong, 2012). Penyimpangan yang dikesani dapat mempercepat proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan sumber maklumat untuk membantu dalam menghasilkan pembelajaran yang berkesan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti semua kesilapan struktur ayat seperti penyusunan kata dan penambahan dan seterusnya mengkategorikannya serta mendapatkan punca kesilapan. Kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Azizi. Y (2012), Muftah (2013) dan Lia.A (2014) berfokus pada analisis kesilapan pembelajaran bahasa kedua, iaitu Bahasa Inggeris. Didapati bahawa kajian lepas kekurangan analisis kesilapan pada pembelajaran bahasa ibunda, iaitu Bahasa Mandarin. Maka, suatu kajian diperlukan untuk analisis lanjutan.

Analisis punca kesilapan adalah penting. Antara punca utama yang membawa ke arah kesilapan ialah kekurangan motivasi pelajar (Azadeh, 2012; Sri Widian Hartati, 2013; Azizi. Y, 2012). Azadeh (2012) membuktikan bahawa kekurangan pengetahuan, perbendaharaan kata, keyakinan dalam pertuturan, umur, tahap pendidikan dan sikap negatif terhadap pembelajaran dan pertuturan boleh menjadi faktor utama yang mendorong kepada kesilapan dalam tatabahasa.

Selain motivasi, pengaruh bahasa ibunda membawa kepada kesilapan tatabahasa. Dapatan kajian Muftah (2013) dan Lia. A (2014) menunjukkan bahawa bahasa ibunda memberi impak kepada kesilapan, justeru latihan adalah perlu bagi memperkukuhkan kemahiran tatabahasa dan mengurangkan kesilapan.

Oleh yang demikian, objektif makalah ini ialah seperti berikut :

1. Mengenal pasti kesilapan struktur ayat bahasa Mandarin oleh pelajar penutur natif.
2. Mengkelaskan kesilapan struktur ayat bahasa Mandarin menggunakan Taksonomi Strategi Permukaan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982).
3. Membincangkan punca kesilapan struktur ayat bahasa Mandarin yang dilakukan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara umumnya dijalankan untuk menganalisis jenis dan punca kesilapan struktur ayat bahasa Mandarin. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, iaitu analisis teks dan temu bual. Seramai 30 orang pelajar Tahun 3 berbangsa Cina yang mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa utama dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) terlibat dalam kajian ini. Responden dikehendaki membina ayat Bahasa Mandarin berdasarkan 10 gambar tunggal yang tidak berkait yang diberikan kepada mereka. Gambar yang dipilih mempunyai hubungan dengan kehidupan seharian pelajar seperti keadaan di pasar, suasana semasa jamuan dengan keluarga, pembelian membeli makanan di kantin, permainan bola sepak dan aktiviti berseambang, dan setiap gambar ini dapat dikaitkan dengan kata nama dan kata kerja tertentu. Untuk membina ayat lengkap, responden dikehendaki mengolah struktur ayat dengan menggunakan kosa kata yang difikirkan sesuai.

Sebanyak 300 buah ayat berjaya dikumpul dalam kajian ini. Ayat-ayat ini disemak dari segi ketepatan tatabahasa dan makna menggunakan buku *Xin Bian Xian Dai Han Yu* edisi kedua oleh Zhang Bin (2008) sebagai pedoman. Kesilapan struktur ayat yang dikesan dikelaskan kepada empat kategori mengikut Taksonomi Strategi Permukaan (*Surface Strategi Taxonomy*) oleh Dulay, Burt & Krashen (1982), iaitu kesilapan pengurangan, penambahan, pemilihan dan kesilapan penyusunan kata. Peratus setiap jenis kesilapan dapat dikira berdasarkan formula di bawah:

$$P = \frac{F}{N} \times 100\%$$

P = Peratus kesilapan

F = Frekuensi kesilapan

N = Jumlah kesilapan

Setelah mengelaskan kesilapan yang dilakukan oleh responden, pembetulan akan dibuat dan seterusnya responden ditemu bual untuk mendapatkan input bagi punca kesilapan ini. Seramai 10 orang responden yang paling banyak melakukan kesilapan telah dipilih untuk ditemu bual.

ANALISIS DATA

Secara keseluruhan, antara 300 ayat yang dianalisis terdapat 250 ayat tanpa kesilapan, manakala 50 lagi mempunyai kesilapan struktur ayat. Kesilapan ini dikenal pasti dan dikumpulkan mengikut Taksonomi Strategi Permukaan.

Kesilapan Penyusunan

Kesilapan penyusunan merupakan kesilapan yang paling banyak dilakukan, yang melibatkan 32% daripada 50 ayat. Kesilapan penyusunan menyukarkan pembaca untuk memahami maksud yang hendak disampaikan. Namun yang demikian, ayat tersebut akan dapat difahami dengan penyusunan semula frasa. Terdapat dua jenis kesilapan penyusunan frasa yang terlibat, iaitu kesilapan pada penyusunan frasa sendi dan frasa kerja. Contoh daripada Data 1 dan 2 di bawah menunjukkan kesilapan penyusunan frasa sendi dalam predikat.

Data 1 :

Ayat asal: 同 学 们 / 排 队 / 买 食 物 和 饮 料 / 在
食 堂。

Maksud: Murid-murid beratur membeli makanan dan minuman
di kantin.

Terjemahan langsung: Murid-murid/ beratur/ membeli makanan dan
minuman/ di kantin.

Data 2 :

Ayat asal: 阿 丽 和 阿 成 / 正 在 / 踢 足 球 /
在 球 场。

Maksud: A Li dan A Cheng sedang bermain bola **di padang.**

Terjemahan langsung: A Li dan A Cheng / sedang / bermain bola / di padang.

Daripada contoh di atas, didapati bahawa responden telah melakukan kesilapan penyusunan frasa sendi. Dalam tatabahasa bahasa Mandarin, satu ayat yang lengkap terdiri daripada subjek dan predikat. Dalam contoh daripada Data 1 dan 2, kesilapan berlaku pada susunan dalam predikat ayat mengandungi frasa kerja dan frasa sendi nama. Dalam tatabahasa Mandarin, susunan predikat ayat bermula dengan frasa sendi nama dan diikuti frasa kerja. Kesilapan yang dilakukan oleh responden ialah dengan meletakkan frasa sendi nama di belakang frasa kerja.

Dalam Data 1, frasa sendi nama 在食堂 atau di kantin seharusnya diletakkan di hadapan kata kerja 排队 iaitu bermain. Justeru ayat yang betul ialah 同学们 / 在食堂 / 排队 / 买食物和饮料 yang terjemahan langsungnya bererti ‘murid-murid / di kantin / beratur / membeli makanan dan minuman’.

Kesilapan yang sama juga dilakukan pada Data 2, yang mana frasa sendi nama 在球场 atau di padang seharusnya diletakkan di hadapan kata kerja 踢足球 iaitu bermain bola. Justeru ayat yang betul ialah 阿丽和阿成 / 正 / 在球场 / 踢足球 yang terjemahan langsungnya bererti ‘A Li dan A Cheng / sedang / di padang / bermain bola’.

Kesilapan penyusunan kedua oleh responden ialah penyusunan frasa kerja dalam predikat seperti dalam contoh Data 3 di bawah:

Data 3:

Ayat asal: 同学们 / 排队 / 在食堂里 / 买东西。
Maksud: Murid-murid **beratur** membeli makanan di kantin.
Terjemahan terus: Murid-murid / beratur / di kantin / membeli makanan.

Dalam ayat di atas, predikat “beratur di kantin membeli barang” didapati silap disusun kerana frasa kerja “membeli barang” sepatutnya merujuk kepada “beratur”, tetapi bukan “kantin”. Oleh itu, perkataan 排队 iaitu ‘beratur’ harus diletak di depan frasa 买东西 iaitu ‘membeli barang’ supaya jelas tampak aktiviti yang dijalankan. Oleh yang demikian, ayat yang betul ialah seperti berikut:

Ayat yang betul: 同学们 / 在食堂里 / 排队 / 买东西。
Terjemahan langsung: Murid-murid / di kantin / beratur / membeli barang.

Data 4:

Ayat asal: 我和家人 / 在 / 吃晚餐 / 一起。
Maksud: Saya dan ahli keluarga sedang makan malam **bersama-sama**.
Terjemahan terus: Saya dan ahli keluarga / sedang / makan malam / bersama-sama.

Kesilapan penyusunan kata dalam Data 4 ialah perkataan “一起” atau ‘bersama-sama’ yang sepatutnya merujuk kepada subjek “saya dan ahli keluarga”, tetapi bukan “makan malam”. Oleh itu, perkataan 一起 harus diletak di belakang subjek 我和家人 iaitu ‘saya dan keluarga’, diikuti oleh 吃晚餐 atau ‘makan malam’. Struktur binaan ayat responden juga menyamai struktur ayat

bahasa Melayu. Ini boleh dilihat melalui terjemahan maksud ayat bagi keempat-empat data ini. Ayat bahasa Mandarin yang betul ialah seperti berikut:

Ayat yang betul: 我和家人/ 一起 / 吃晚餐。
Terjemahan terus: Saya dan ahli keluarga/ bersama-sama/ makan malam.

Dapatan ini menyokong hasil kajian Money (2004) yang menyatakan bahawa pelajar membuat penterjemahan literal daripada bahasa yang mereka fasih. Apabila responden ditemu bual mengenai kesilapan ini, mereka mengakui yang mereka tidak sedar melakukan kesilapan penyusunan. Hal yang demikian adalah disebabkan bahasa pertuturan mereka di rumah ialah bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, disebabkan mereka berasal dari keturunan Baba Nyonya Melaka. Akibatnya, responden terpengaruh dengan bahasa Melayu apabila mempelajari Bahasa Mandarin. Justeru, responden menulis sewenangnyanya apa yang dipertutur dalam pertuturan harian mereka.

Kesilapan Pengurangan

Menurut Dulay, Burt & Krashen (1982), kesilapan pengurangan dalam ayat melibatkan pengguguran penggunaan perkataan yang perlu sehingga menyebabkan ayat tidak lengkap dan maksud asal gagal disampaikan. Pengurangan ini juga menyebabkan ayat yang dibina itu kehilangan maksud. Dalam kajian ini, kesilapan pengurangan dalam struktur ayat ialah sebanyak 30% daripada 50 ayat, dan melibatkan kata kerja, kata bantu dan kata adjektif.

Data 5:
Ayat asal: 我/ 不 小 心 / 打 / 玻璃了, /我
 会 / 诚 实 地 / 告诉 / 妈 妈。
Maksud: Saya **memecahkan** kaca dengan tidak
 sengaja, saya akan memberitahu ibu dengan
 jujur.
Terjemahan terus: Saya/ dengan tidak sengaja/ memukul/ kaca,
 /saya akan/ dengan jujur/ memberitahu / ibu.

Dalam contoh daripada Data 5 di atas, responden menggunakan perkataan 打 membawa maksud “memukul” untuk menyatakan kata kerja ‘memecahkan’. Di sini, responden melakukan kesilapan pengurangan perkataan iaitu 破, yang apabila digabungkan dengan 打, membawa maksud ‘memecahkan’ (打破). Oleh yang demikian ayat yang betul ialah 我不小心打破玻璃了, 我会诚实地告诉妈妈. yang bermaksud ‘Saya **memecahkan** kaca dengan tidak sengaja, saya akan memberitahu ibu dengan jujur’.

Dalam kajian ini, selain kesilapan pengurangan kata kerja, terdapat juga kesilapan pengurangan kata adjektif. Dengan merujuk ayat daripada Data 6 di bawah, didapati responden melakukan kesilapan pengurangan apabila menulis kata adjektif 爱 (*ai*) untuk menyatakan ‘suka’. Dalam bahasa Mandarin, 爱 bermaksud ‘cinta’.

Data 6:

Ayat asal: 哥哥/ 不 小 心/ 摔 破 了/ 妈 妈/ 爱 的/ 花 瓶。

Maksud: Abang telah memecahkan pasu bunga **kesayangan** ibu.

Terjemahan langsung: Abang/ dengan tidak sengaja/ memecahkan/ ibu/ suka/ pasu bunga.

Kata adjektif yang betul ialah 心爱 membawa maksud ‘kesayangan’. Oleh yang demikian, ayat yang betul adalah seperti berikut:

Ayat yang betul: 哥哥/ 不 小 心 / 摔 破 了 / 妈 妈/ 心 爱 的/ 花 瓶。

Terjemahan langsung: Abang/ dengan tidak sengaja/ memecahkan/ ibu/ kesayangan/ pasu bunga.

Kesilapan pengurangan dalam struktur ayat kerap dilakukan oleh responden dan apabila ditemubual, mereka mengakui tidak menyedari akan kesilapan ini. Mereka juga mengatakan bahawa ayat tersebut adalah betul apabila disemak dan dibaca semula. Hal ini mungkin disebabkan pembelajaran tidak lengkap, di mana Calkins (1986) menyatakan, setiap fasa bagi proses penulisan perlu diikuti dengan demonstrasi daripada guru dan pelajar untuk mengembangkan kemahiran menulis. Demonstrasi guru membantu pelajar membina ayat yang betul.

Kesilapan Penambahan

Kesilapan penambahan merujuk kepada tambahan sesuatu perkataan yang tidak diperlukan untuk ayat lengkap. Contoh kesilapan penambahan ialah seperti ulangan kata ganti nama dan kata sendi. Dalam kajian ini, sebanyak 26% kesilapan penambahan daripada 50 ayat telah dikenal pasti.

Data 7 :

Ayat asal: 吃饱后, /姐姐 / 正在 / 厕所 / 用水
/ 洗/衣服。

Maksud: Setelah makan, kakak sedang membasuh baju di tandas **dengan menggunakan air** .

Terjemahan langsung: Setelah makan, / kakak/ sedang/ di tandas/
menggunakan air/ membasuh/ baju.

Daripada data 7, terdapat penambahan perkataan “用水” (dengan menggunakan air) menyebabkan kesilapan berlaku. Walaupun air perlu digunakan semasa membasuh baju tetapi penjelasan terperinci tidak diperlukan. Penambahan ini menyebabkan pembaca menyangka bahawa terdapat cara lain untuk membasuh baju. Daripada sudut struktur ayat, ayat ini dikira betul dari segi tatabahasa namun penjelasan yang ditulis adalah berlebihan, disebabkan perbuatan ‘membasuh’ tidak memerlukan penjelasan cara. Perkataan “用水” perlu dimansuhkan dan tiada apa-apa lagi perlu ditambah pada ayat. Oleh yang demikian, ayat yang sepatutnya dibina ialah seperti di bawah:

Ayat yang betul: 吃饱后, /姐姐 / 正在 / 厕所 / 洗/ 衣服。

Terjemahan langsung: Setelah makan, / kakak/ sedang/ di tandas/ membasuh/
baju.

Bagi kesilapan penambahan disebabkan pengulangan kata pula, didapati responden melakukan penambahan kata sendi secara berulang dalam satu ayat.

Data 8:

Ayat asal: 我的姐姐 / 每天下午 / 去 / 厕所 / 去 / 洗/
衣服。

Maksud: Setiap petang, kakak saya membasuh baju di bilik air.

Terjemahan langsung: Kakak saya/ setiap petang/ pergi/ tandas/ pergi/
membasuh/ baju.

Dalam contoh ini, salah satu kata sendi dalam ayat Data 8 patut dimansuhkan iaitu kata sendi 去 yang diulang justeru penggunaan kali kedua adalah tidak perlu. Oleh yang demikian, ayat yang betul ialah seperti berikut :

Ayat: 我的姐姐/ 每天下午 / 去 / 厕所 / 洗/衣
服。

Terjemahan langsung: Kakak saya/ setiap petang/ pergi/ tandas/ membasuh/
baju.

Kesilapan ini dilihat berpunca daripada terjemahan langsung daripada bahasa Melayu, di mana kata sendi kedua hendaklah dikekalkan tetapi dengan kata sendi yang lain iaitu “untuk” yang menunjukkan “tujuan”.

Selain kata sendi, terdapat juga kesilapan kata ganti nama diri yang diulang dua kali. Data 9 di bawah menunjukkan dua kata ganti nama diri iaitu “我们” (kami) dan “大家” (kita) yang berturutan dalam satu ayat. Perkataan “kami” dan “kita” merupakan dua kata ganti nama diri yang berbeza. “我们” bermaksud “orang di sekeliling” manakala “大家” bermaksud “orang ramai”.

Data 9 :

Ayat asal: 新年的时候, /我们 / 大家 / 都一起/开开心心地 /吃团圆饭。

Maksud : Pada Tahun Baru Cina, kami makan malam bersama-sama dengan gembira.

Terjemahan terus: Pada Tahun Baru Cina,/ kami/ kita/ bersama-sama/ dengan gembira/ makan malam.

Dengan merujuk kepada gambar yang dipaparkan iaitu suasana semasa menjamu selera bersama ahli keluarga, didapati penggunaan ”我们” (kami) lebih sesuai dalam ayat dan ”大家” (kita) harus digurukan.

Ayat yang betul: 新年的时候, /我 们 / 一起 /开开心心地 /吃团圆饭。

Terjemahan terus: Pada Tahun Baru Cina,/ kami/ bersama-sama/ dengan gembira/ makan malam.

Terdapat juga kesilapan penambahan disebabkan oleh penambahan pada keterangan tambahan yang menjejaskan ayat. Dalam Data 10 di bawah, responden cuba menjelaskan punca kehilangan alat permainan menggunakan ungkapan yang digunakan seharian, manakala dalam data 11 pula terdapat penambahan pada penjelasan yang menjejaskan ayat yang dibina.

Data10:

Maksud yang ingin disampaikan: Xiao Ming mencari alat permainan kesayangannya kerana meletakkannya di merata tempat.

Ayat asal: 小 明 / 正 在 / 找/ 他心爱的 / 玩具/, 因为/ 他/ 把东西/ 到处放, /所以/ 现在 /他 /要找。

Terjemahan langsung: Xiao Ming/ sedang/ mencari/ alat permainan kesayangannya,/ kerana/ dia/ benda/ letak merata-rata,/ oleh itu/ sekarang/ dia/ mahu mencari.

Data 11:

Maksud yang ingin disampaikan: Kami sekeluarga menjamu selera bersama-sama datuk dan nenek dengan gembira.

Ayat asal: 我们一家人 /开开心心的 /坐 /在 /餐桌上 /吃东西 /和 /在 国外旅行 /回来的 /爷爷 奶奶 /也来了。

Terjemahan langsung: Kami sekeluarga/ dengan gembira/ duduk/ di/ meja makan/ makan/ dan datuk nenek/ yang pulang dari luar negara juga datang.

Setelah ayat diperbetulkan, responden ditemubual untuk mendapatkan punca kesilapan. Responden mengakui yang beliau tidak menyedari melakukan kesilapan dan menjelaskan bahawa beliau hanya menulis seperti apa yang dipertutur dalam kehidupan harian. Hasil dapatan ini juga menunjukkan pertuturan harian dan tabiat kurang membaca mengakibatkan kegagalan pembinaan ayat dengan struktur yang betul. Dapatan ini menyokong pernyataan Dulay (1982) yang menyatakan kesilapan kekurangan boleh berpunca daripada frasa atau ayat pertuturan harian seseorang.

Kesilapan Pemilihan Kata

Menurut James (1998), kesilapan penggunaan kata merujuk kepada kesilapan pemilihan sesuatu perkataan untuk digunakan. Kesilapan ini mempengaruhi maksud ayat lantas menyebabkan maklumat gagal disampaikan. Kesilapan ini melibatkan pemilihan kata seperti kata nama dan kata kerja. Dalam kajian ini, kesilapan pemilihan kata melibatkan sebanyak 12% daripada 50 buah ayat. Contoh kesilapan adalah seperti di bawah:

Data 12 :

Ayat asal: 小 光 / 不 小 心 /打破了/ 碗。

Sebutan: Xiao Guang/ bu xiao xin/ da po le / wan.

Terjemahan terus: Xiao Guang/ dengan tidak sengaja/ memecahkan/ mangkuk.

Maksud yang ingin disampaikan: Xiao Guang memecahkan **pasu bunga** dengan tidak sengaja.

Data 13:

Ayat asal:

明杰和伟明 / 在 草丛 / 踢足球。

Sebutan:
qiu.

Ming Jie he Wei Ming /zai cao cong/ ti zu

Terjemahan terus:

Ming Jie dan Wei Ming/ di semak/ bermain bola.

Maksud yang ingin disampaikan:

Ming Jie dan Wei Ming bermain bola di **padang**.

Berdasarkan kedua-dua contoh di atas, didapati responden membuat kesilapan pemilihan kata nama. pelajar tersilap guna kata nama. Bagi contoh daripada Data 12, kata nama yang sepatutnya digunakan berdasarkan gambar yang diberikan kepada responden ialah 花瓶 (hua ping) iaitu pasu bunga, bukan 碗 (mangkuk). Bagi ayat Data 13 pula, kata nama yang sepatutnya ditulis oleh responden ialah 草场 (cao chang) iaitu padang untuk disesuaikan dengan perbuatan bermain bola dalam ayat dan gambar yang diberikan. Sebaliknya, responden telah memilih kata nama yang salah iaitu 草丛 (cao cong) yang bermaksud semak.

Selain kesilapan penggunaan kata nama, terdapat juga kata kerja yang silap digunakan.

Data 14 :

Ayat asal:

刘伟杰和朋 友/ 一起/玩 足球。

Maksud yang ingin disampaikan:

Liu Wei Jie dan kawan-kawannya **menyepak** bola bersama-sama.

Sebutan:

Liu Wei Jie he peng you /yi qi /wan zu qiu.

Terjemahan terus:

Liu Wei Jie dan kawan-kawan/ bersama/
bermain bola.

Daripada contoh di atas, kata kerja yang seharusnya disesuaikan dengan kata nama bola sepak dalam Mandarin ialah 踢足球 (ti zu qiu) iaitu menyepak bola, dan bukannya 玩足球 (wan zu qiu) iaitu bermain bola. Walaupun terjemahan ke bahasa Malaysia adalah betul, namun apabila kata kerja ini 玩足球 (wan zu qiu) digunakan dalam bahasa Mandarin, ia menyebabkan kesalahan pemilihan kata kerja.

Data 15:

Ayat asal: 他 /把 弟弟的/ 玩 具 车/ 找 / 不 见
了。

Maksud yang ingin disampaikan: Dia **menghilangkan** alat mainan kereta
adiknya.

Terjemahan langsung: Dia/ adik/ alat mainan kereta/ mencari/
hilang.

Bagi data 15, kesilapan pemilihan yang dilakukan oleh responden mengakibatkan kelainan maksud. Responden ingin menyatakan yang dia telah menghilangkan alat mainan kereta adiknya. Namun yang demikian, dalam penulisan beliau, ayat yang ditulis menyatakan bahawa beliau sedang mencari (daripada kata kerja 找 untuk kereta permainan yang hilang 不见了). Kata kerja yang sepatutnya digunakan ialah 弄丢 iaitu menghilangkan. Oleh yang demikian, ayat yang betul ialah seperti berikut:

Ayat yang betul: 他 /把 弟弟的 /玩 具 车/ 弄丢 / 了。

Terjemahan langsung: Dia / adik/ alat mainan kereta/ menghilangkan.

Apabila responden ditemu bual, mereka menyatakan bahawa mereka tahu alat mainan dan perbuatan menyepak bola dalam gambar yang diberikan tetapi tidak tahu menulis nama alat mainan ini dalam bahasa Mandarin. Oleh yang demikian, mereka menulis perkataan yang membawa maksud yang hampir sama dengan alat mainan tersebut. Begitu juga dengan kata kerja. Dapatan ini menyokong dapatan Hazlina Abdul Halim & Ang (2015) yang menyatakan bahawa pelajar yang tidak mempunyai leksikal yang mencukupi akan mencari leksikal yang hampir maknanya. Selain daripada itu, responden yang ditemu bual juga mengakui bahawa tabiat mereka yang kurang membaca membawa kepada kesilapan pemilihan kata.

Bentuk, Bunyi dan Makna Perkataan Bahasa Mandarin

Kajian ini juga menemui dapatan lain yang tidak tersenarai dalam Taksonomi Strategi Permukaan yang dikemukakan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982). Hal ini disebabkan oleh ciri khas bahasa Mandarin yang, tidak seperti perkataan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang merupakan gabungan 26 abjad. Bahasa Mandarin merangkumi banyak perkataan individu yang mempunyai keunikan sendiri dari segi bentuk, bunyi dan makna. Lantaran daripada keunikan ini, responden banyak melakukan kesilapan menulis perkataan Bahasa Mandarin. Contoh-contohnya adalah seperti di bawah:

Data 16:

Maksud yang hendak disampaikan: Xin Ning sedang membasuh **baju**.

Ayat asal: 心 宁 / 正 在 / 洗 / 衣 报。

Ayat yang betul: 心 宁 / 正 在 / 洗 / 衣 服。

Dalam ayat di atas, responden melakukan kesilapan menulis perkataan 衣报 (yi bao) untuk menyatakan 衣服 (yi fu), disebabkan 报 (bao) dan 服 (fu) merupakan dua perkataan yang hampir sama bentuk. Oleh hal demikian, pelajar melakukan kesilapan menulis perkataan bahasa Mandarin yang tepat.

Selain daripada itu, responden juga melakukan kesilapan homofon, iaitu menulis perkataan hampir sama bunyi. Perkataan yang ditulis responden membawa bunyi yang sama tetapi dengan makna yang berlainan dan bentuk tulisan yang berlainan.

Data 17:

Maksud yang ingin disampaikan: Mereka membeli makanan di **kantin** pada waktu rehat.

Ayat asal: 下 课 时, /他 们 /到/ 时 堂 /买 /东 西 /吃 。

Sebutan: *xia ke shi, /ta men/dao/ shi tang/ mai/ dong xi /chi.*

Ayat yang betul: 下 课 时, /他 们 /到 /食 堂 /买 /东 西 /吃 。

Sebutan: *xia ke shi, / ta men/ dao/ shi tang/ mai /dong xi /chi.*

Perkataan “时堂 (*shi tang*) yang bermaksud ‘kantin’ silap ditulis disebabkan bunyinya yang sama. Responden telah menulis perkataan 时 (*shi*) kerana “时” dan 食 (*shi*) ialah dua perkataan Mandarin yang sama sebutannya. Walau bagaimanapun, kedua-dua perkataan membawa makna berbeza. Bahkan, perkataan 时堂 dalam bahasa Mandarin tidak membawa apa-apa makna. Perkataan yang betul ialah 食堂.

Responden juga kesilapan sinonim iaitu perkataan yang membawa maksud yang sama. Dalam pembentukan leksikal Mandarin, perkataan sinonim mungkin sama dari segi makna tetapi berbeza dari segi penggunaan kerana ditentukan oleh ciri perkataan sama ada bersifat berdikari atau tidak berdikari.

Data 18:

Maksud yang ingin disampaikan: Setelah tiba di rumah, saya **membantu** ibu membasuh baju dengan segera.

Ayat asal: 回到家, /我/ 马上/ 去/ 助 / 妈妈 /洗/ 衣服。

Ayat yang betul: 回到家, /我/ 马上/ 去/ 帮/ 妈妈/ 洗/ 衣服。

Perkataan yang digunakan oleh responden iaitu 助 (*zhu*) bersifat tidak berdikari dan tidak sesuai digunakan secara sendiri dalam slot kata kerja dalam ayat ini. Perkataan yang tepat seharusnya 帮 (*bang*) yang bersifat berdikari. Dalam bahasa Mandarin, perkataan 帮助 bermaksud ‘membantu’ dan boleh dipecah guna dengan membawa maksud yang sama.

Kesilapan disebabkan bahasa verbal

Menurut Dulay, Burt, & Krashen (1982), kesilapan ialah kekurangan dalam pertuturan dan penulisan pelajar. Ini menunjukkan bahawa pertuturan harian juga mempengaruhi penulisan pelajar. Dalam kajian ini, daripada 300 ayat yang dibina, didapati bahawa sebanyak 21 ayat adalah ayat berbentuk bahasa verbal. Kesilapan ini dilakukan oleh responden berketurunan Baba Nyonya yang bahasa pertuturan harian adalah bahasa Melayu.

Data 19:

Maksud yang ingin disampaikan: Abang **kehilangan** kereta robotnya.

Ayat asal: 哥哥 / 不见了 / 他的/ 机器 车。

Terjemahan langsung: Abang/ tidak nampak/ dia/ kereta robot.

Daripada Data 19 di atas, ayat yang ingin dinyatakan ialah ‘abang telah hilang kereta robotnya’. Namun, responden menggunakan bahasa verbal yang menggunakan kata kerja tidak nampak (不见了) untuk menyatakan hilang.

Dalam Data 20 di bawah pula, bahasa verbal yang ditulis ialah ‘memasukkan bola’, di mana responden menganggap bola masuk gol itu ditulis sebagai memasukkan bola. Ini ialah disebabkan ungkapan ini ialah ungkapan harian yang dituturkan dan didengari.

Data 20:

Maksud yang ingin disampaikan: Abang dan adik saudara sedang menyepak bola di padang. Akhirnya adik saudara berjaya **memasuk gol**.

Ayat asal: 哥哥和表弟 / 在草场 / 踢足球。 / 结果 / 哥哥 / 让 / 弟弟 / 踢进了球。

Terjemahan langsung: Abang dan adik saudara/di padang/ menyepak bola./ Akibatnya,/ abang/ membenarkan adik saudara/ memasuk bola.

Data 21 menggunakan bahasa verbal yang kerap digunakan responden, iaitu “好”(siap). Dalam data 21, responden ingin menyampaikan maksud “selesai” untuk menunjukkan “telah mandi”, tetapi kesilapan dilakukan apabila perkataan “siap” digunakan. Oleh yang demikian, frasa yang betul dalam data 21 ialah “冲凉后” (selepas mandi). Perkataan “siap mandi” menunjukkan pertuturan harian responden yang mempengaruhi ayat yang dibina.

Data 21:

Maksud yang ingin disampaikan: Lepas sekolah, saya dan kawan-kawan pulang bersama-sama. **Selepas mandi**, saya dan kawan-kawan pergi ke padang menyepak bola bersama-sama.

Ayat asal: 今天放学, /我和朋友 / 一起/回家。 /过后 / 我 / 冲好凉 /就 /和 /朋友 / 一起/去/ 操场/ 踢足球。

Terjemahan langsung: Selepas sekolah, /saya dan kawan-kawan /bersama-sama/ pulang. Selepas itu/ saya/ siap mandi/ pun/ dengan/ kawan-kawan/ bersama-sama/ pergi/ padang/ menyepak bola.

Dalam data 22 di bawah pula, bahasa verbal yang ditulis oleh responden ialah “买菜店” (kedai jual sayur) dan “坐巴士” (menduduki bas). Perkataan “买菜店” boleh dibetulkan menjadi “卖菜店” (kedai yang menjual sayur), sementara perkataan “坐巴士” boleh dibetulkan menjadi “乘坐巴士” (menaiki bas) untuk mendapatkan maksud yang betul.

Data 22:

Maksud yang hendak disampaikan:

Pada Ahad pagi, ibu membawa saya pergi ke pasar pagi membeli barang. Kami tiba di **kedai jual sayur**, ibu membeli kobis, selepas itu, kami pulang dengan **menaiki bas**.

Ayat asal:

星期日早上, /妈妈/带我/到/早市/买东西。/我们/来到了/买菜店, /妈妈/买了/包菜, /然后/我们/坐巴士/回家。

Terjemahan langsung:

Pada Ahad pagi,/ ibu/ membawa saya/ pergi/ pasar pagi/ membeli/ barang./ Kami/ sampai/ kedai jual sayur./ ibu/ membeli/ kobis/ selepas itu,/ kami/ menduduki bas/ pulang ke rumah.

Dalam Data 23 di bawah pula, responden ingin menyampaikan maksud padang tersebut berdekatan dengan rumah di dalam ayat yang ditulis. Nemun yang demikian, responden telah menggunakan “在家靠近的” untuk menjelaskan jaraknya. Frasa ini dapat diperbetulkan menjadi “附近” (berdekatan dengan) supaya ayat ini senang dibaca dan difahami.

Data 23:

Maksud yang ingin disampaikan:

Pada waktu petang, abang dan kawan-kawan bermain bola di padang yang berdekatan dengan rumah.

Ayat asal:

下午, /哥哥和朋 友/在家靠近的草场/玩足球。

Terjemahan langsung:

Petang,/ abang dan kawan-kawan/ di padang dekat rumah/ bermain bola.

Data 24 di bawah pula mempunyai bahagian kesilapan yang dihitamkan disebabkan terdapatnya penjelasan tambahan dalam bahasa verbal. Penjelasan ini boleh dimansuhkan supaya ayat menjadi lengkap dan tidak mengganggu pemahaman maksud. Kesilapan penjelasan tambahan ini berkait rapat dengan gaya pertuturan dan tabiat seseorang (Wang, 2015) di mana ayat bahasa verbal ini adalah hasil daripada pergaulan dan pertuturan harian dalam kehidupan responden.

Data 24:

Maksud yang ingin disampaikan: Adik perempuan membantu ibu membasuh kasut putih dan baju putih, **jangan bagi ibu susah.**

Ayat asal: 妹妹 / 帮忙 / 妈妈 / 洗白鞋 / 和 / 白衣, / 不要 / 妈妈 / 辛苦。

KESIMPULAN

Kajian ini meninjau kesilapan struktur ayat bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Tahun 3. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa responden melakukan kesilapan pada keempat-empat kategori dalam Taksonomi Strategi Permukaan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982). Selain itu, terdapat juga kesilapan penggunaan kata verbal, di mana ayat yang disusun menyerupai ayat bahasa Melayu oleh responden berbangsa Cina daripada keturunan Baba Nyonya Melaka. Ini disebabkan pertuturan harian responden terlibat mengandungi bahasa Cina dan bahasa Melayu. Dapatan ini menyokong pendapat Dulay, Burt & Krashen (1982) yang menyatakan bahawa pertuturan harian mempengaruhi kesilapan pelajar semasa belajar sesuatu bahasa.

Selain itu, didapati responden tidak menyedari akan kesilapan yang dilakukan. Mereka berpendapat bahawa ayat yang dibina adalah betul walaupun setelah disemak. Hal ini menunjukkan pembelajaran tidak lengkap di mana responden masih belum menguasai tatabahasa bahasa Mandarin, justeru tidak dapat membetulkan kesilapan yang dilakukan. Ini selaras dengan James (1998) yang mengatakan bahawa pembelajaran tidak lengkap merupakan salah satu punca bagi kesilapan struktur ayat.

Di samping itu, daripada temubual yang dijalankan, didapati kesilapan ini juga disebabkan oleh responden yang tidak mengambil peduli tentang hukum tatabahasa. Richard (1974) menyatakan bahawa pengabaian merupakan satu punca bagi pelajar melakukan kesilapan. Berdasarkan Richards, Platt, Weber & Candlin (1992), kesilapan dilakukan oleh pelajar semasa menulis atau bertutur disebabkan kurang penumpuan, keletihan atau kecuai.

Secara keseluruhan, kajian ini telah mengadaptasikan Taksonomi Strategi Permukaan oleh Dulay, Burt dan Krashen (1982) dan telah mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh responden yang bahasa ibunda atau bahasa kedua ialah bahasa Cina. Kesilapan yang dilakukan oleh responden dapat memberikan gambaran yang lebih teliti dalam proses pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, punca kesilapan daripada hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan untuk para pelajar dan pengajar mengambil tindakan pembetulan susulan. Kesilapan ini tidak patut dipandang negatif, malah harus dilihat sebagai penanda

aras untuk penambahbaikan. Kesilapan kini dianggap sebagai wahana yang sangat penting untuk tujuan diagnostik dalam pengajaran bahasa (Khazriyati Salehuddin, Tan Kim Hua & Marlyna Maros, 2006).

BIBLIOGRAFI

- Audrey, W. P. (2015). *Put it to paper: Tips for parents to improve a child's writing skills*. Dimuatturun pada 12 Jun 2016 daripada halaman web http://www.superduperinc.com/handouts/pdf/148_Improving%20Writing%20Skills.pdf
- Azedah Asgari. (2012). *Affective factors in second language writing ability attrition among English as foreign language learners*. Tesis Ph. D yang tidak diterbitkan. Serdang: University Putra Malaysia.
- Brown, J. D. (2007). *Principles in language learning and teaching*. New York: Pearson Education.
- Azizi, Y. (2012). *Error analysis of L2 learners' writings, A case study*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Language, Medias and Culture, Singapura, daripada <http://www.ipedr.com/vol33/023-ICLMC2012-L10016.pdf>
- Calkins, L. M. (1986). *The art of teaching writing*. Portsmouth: Heinemann Educational Books.
- Corder, S. P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Dulay, H., Burt, M., & Krashen, S. (1982). *Language two*. Oxford: Oxford University Press.
- Guo Qiu Xiang, Fu Chuan Ying. (2015). *Bidang pendidikan: Mengingkari Objektif Pentaksiran Berasaskan Sekolah, mengutamakan peperiksaan*. Dimuat turun daripada <http://news.sinchew.com.my/node/445636?tid=1> pada 30 Sep 2015.
- Hazlina Abdul Halim, & Ang L. H. (2015). *Kesalahan Pemilihan dan Pembentukan Kata dalam Terjemahan bahasa Perancis*. GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, 15(2), 151-164.
- Hu, Q. H. (1995). *Writing Errors Analysis and Secondary School Writing Lesson Research*. Tesis Doktorat tidak diterbitkan, Taiwan: National Sun Yat-Sen University.
- James, C. (1998). *Errors in Language Learning and Use: Exploring Error Analysis*. New York: Longman.
- Khazriyati Salehuddin, Tan Kim Hua, & Marlyna Maros (2006). *Definiteness and indefiniteness: A Contrastive Analysis of the Use of Determiners between the Malay language and English*. GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, 6(1), 21-30.

- Laraib, N., Syeda, M. N., & Shelina, B. (2013). *Enhancing Students' Creative Writing Skills: An Action Research Project*. Acta Didactica Napocensia, 6(2), 27-32.
- Lia, A. (2014). *Analysis of grammatical error on English essay*. Yogyakarta: Gadjah Mada University.
- Manimaran A/L Palaniappen (2009). *Hubungan Faktor Keluarga Terhadap Tabiat dan Minat Membaca dalam Kalangan Murid Tahap 2, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil*. Tesis Doktorat tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Muftah, Muneera, & Rafik-Galea, Shameem (2013). *Error Analysis of Present Simple Tense in the Interlanguage of Adult Arab English Language Learners*. *English Language Teaching*, 6(2),146-154
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richard, J. C. (1971). *Error Analysis*. England: Longman.
- Richards, J.C., Platt, J.T., Weber, H., & Candlin C. N. (1992). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Essex: Longman.
- Sri W. H. (2013). *An Analysis of Students' Error in Writing Recount Text at the Frst Grade of Ma Yanuris Ciranjang*. Bandung: Sekolah Tinggi Keguruan Dan Ilmu Pendidikan.
- J. N. J. Money, S. (2004). *Kesalahan Bahasa dalam Karangan Murid Tamil Mempelajari Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. (Tesis Doktorat, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia). Diperolehdaripada http://psasir.upm.edu.my/501/1/549736_FBMK_2004_19.pdf.
- Wang, Y. (2015). *Masalah Menstandardkan Tatabahasa Bahasa Verbal*. Diperolehi daripada <http://www.xzbu.com/1/view-5193675.htm> pada 15 April 2015.
- Yong C. C., & Subramaniam. V. (2012). *Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing*. GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, 12(2), 667-692.
- Zhang B. (2008). *Xin Bian Xian Dai Han Yu*. Shanghai: Fudan Press.